

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L569
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi membantu pelajar dalam cara berfikir dan bertindak agar mereka lebih bersifat kreatif dalam mengharungi cabaran hidup. Adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Kelab Ilmu Kreatif dan Membina Minda sebagaimana yang telah diwujudkan di negara-negara maju.
2. PN-1131-L542
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian setakat ini untuk memberi kesedaran kepada belia supaya tidak terjebak dalam kancah gejala sosial. Sejauh mana pencapaian dan kejayaan program Teras Belia dalam menangani masalah belia hari ini.
3. PN-1131-L619
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kebaikan membina jambatan kedua antara Johor dan Singapura di mana apabila Singapura tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan jambatan itu secara bengkok.
4. PN-1131-L292
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana penguasaan ilmu 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) setelah program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dilaksanakan terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar.

5. PN-1131-L633
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemasukan rakyat Malaysia ke Singapura mengikut kaum yang berulang alik bagi tahun 2001 hingga 2005 dan nyatakan anggaran jumlah rakyat Malaysia yang sedang bekerja di Singapura dan rakyat Singapura yang bekerja di Malaysia sehingga Mac 2006.
6. PN-1131-L599
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai lagi warganegara belum memiliki MyKad. Berapa lama lagikah tempoh yang diberi untuk mereka memiliki 'My Kad' tersebut.
7. PN-1131-L226
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah bentuk tindakan yang diambil terhadap juru perunding yang melakukan kecuaiannya bentuk sehingga menyebabkan keretakan pada tiang-tiang konkrit MRR2 dan kontraktor asal terpaksa menanggung kos untuk kerja-kerja pembaikan sebanyak RM40 juta. Kenapa pula mereka harus diberi projek lain untuk mereka buat keuntungan sebanyak RM40 juta dan sepatutnya disenarai hitamkan. Atas dasar apa Kerajaan mahu melindungi kontraktor ini.
8. PN-1131-L210
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kesenian di rantau ini. Sejauh manakah hasrat ini telah tercapai.
9. PN-1131-L724
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan peranan dan status yang diberikan kepada masyarakat perguruan dalam matlamat mengoptimumkan pengeluaran modal insan dalam pembentukan modal insan yang baik, berguna dan produktif, terdapat tiga pemain utama dalam 'equation' untuk mencapai kejayaan ibu bapa, pelajar dan guru. Berapakah yang akan diperuntukkan untuk meningkatkan kualiti guru dan apakah tindakan untuk menjadi perguruan sebagai kerjaya pilihan.
10. PN-1131-L608
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan oleh Kementerian kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang ingin menceburi bidang ternakan seperti ikan air tawar, kambing, lembu daging dan lembu tenusu.
11. PN-1131-L521
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai graduan Ijazah pertama dalam bidang Bio-Teknologi sehingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan graduan dalam bidang Bio-Teknologi mendapat pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

12. PN-1131-L440
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai bilangan SJKC sekolah Kerajaan dan SKJC sekolah bantuan Kerajaan mengikut hak milik tanah dan adakah Kementerian berhasrat menukarkan sekolah bantuan Kerajaan yang dibina di atas tanah Kerajaan dan Kerajaan tempatan kepada sekolah Kerajaan.
13. PN-1131-L142
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain daripada sistem amaran bencana alam:-
 - (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mewujudkan suatu sistem pengurusan krisis bencana yang sistematik dan teratur untuk menghadapi bencana alam seperti tsunami, banjir, tanah runtuh dan sebagainya; dan
 - (b) nyatakan Kementerian serta agensi yang bertanggungjawab menyelarkannya.
14. PN-1131-L311
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap "ulat-ulat" yang berkeliaran di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Sepang sehingga menimbulkan kegelisahan di kalangan pemandu teksi dan orang ramai sekali gus mencemarkan imej terminal itu sendiri.
15. PN-1131-L420
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyak S.R.J.K (C) dan S.R.J.K (T) baru yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
16. PN-1131-L713
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah persiapan yang Pasukan Bomba dan Penyelamat kita telah buat dari segi latihan dan alat canggih untuk menghadapi kebakaran yang kemungkinan boleh berlaku di bangunan-bangunan yang pencakar langit di negara kita.
17. PN-1131-L173
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah PR dan kewarganegaraan yang telah diluluskan kepada rakyat Indonesia sejak tahun 1995. Apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Diraja bagi menyemak dan mengkaji permohonan PR dan kewarganegaraan yang telah diluluskan itu.

18. PN-1131-L398
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelemahan pengendalian kes-kes jenayah syariah amat lemah. Ini berpunca dari pegawai yang terlibat dalam perundangan tidak terlatih dan kelemahan undang-undang Islam yang tidak seragam di antara negeri dan tidak dikemaskini mengikut perkembangan semasa. Apakah Kerajaan sedar dan cuba mengatasinya.
19. PN-1131-L267
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah sumbangan sektor 'Perusahaan Kecil dan Sederhana' (PKS) hanya 6% terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Apakah langkah proaktif Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi terkini bagi memajukan industri PKS ini termasuk peranan sebenar Bank SME agar ia dapat bersaing di peringkat antarabangsa.
20. PN-1131-L242
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru wanita yang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman di seluruh negara. Adakah golongan guru wanita ini memperoleh insentif tambahan sekiranya berkhidmat di sini.
21. PN-1131-L366
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula tuntutan kadar perbatuan, elaun khidmat awam, kadar pinjaman perumahan dan gaji kakitangan awam sekarang bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.
22. PN-1131-L768
Tuan Chiu Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan agensi-agensi "Off Budget" seperti Petronas lebih telus dari segi kegiatan dan operasi mereka selaras dengan prinsip ketelusan yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.
23. PN-1131-L534
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tujuan sebenar dimasukkan ke dalam modul PLKN tentang kedudukan Nik Adli Nik Abdul Aziz sebagai penganas utama di Malaysia sedangkan pihak mahkamah belum memutuskan lagi kes beliau sama ada bersalah atau tidak.

24. PN-1131-L677
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di dalam RMK-9, Kerajaan mengumumkan beberapa projek pembangunan infrastruktur dan pengangkutan seperti pembangunan Koridor Selatan, Pembinaan Jambatan Pulau Pinang Ke 2, sistem monorel di Pulau Pinang, hub pengangkutan di Lembah Kelang, pembinaan universiti di Kelantan dan Terengganu, Lebuhraya Pantai Timur dan banyak lagi. Adakah diperuntukkan pakej-pakej kecil dalam projek-projek besar ini bagi memberi peluang kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera dan sekiranya ada, siapakah yang memantanya.
25. PN-1131-L373
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, apakah perbezaan peranan yang dimainkan oleh agensi ini dengan agensi-agensi Kerajaan lain terutamanya Polis Marin yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada agensi penguatkuasaan tersebut.
26. PN-1131-L517
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan bagi memartabatkan profesion perguruan di Malaysia. Adakah perlu diwujudkan satu badan ikhtisas perguruan bagi memantau serta memperkemaskan bidang perguruan ini.
27. PN-1131-L649
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu dasar bagi membolehkan bekas-bekas tentera (khususnya yang baru tamat perkhidmatan) diberikan peluang dan keutamaan untuk berkhidmat di dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (Askar Wataniah) bagi memantapkan peranan Askar Wataniah di dalam pertahanan negara di samping memberi peluang mata pencarian tambahan kepada mereka.
28. PN-1131-L676
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan JAKIM telah menetapkan standard halal yang perlu dipatuhi dan sijil jabatan itu telah diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Apakah tindakan Kerajaan sekiranya terdapat segelintir pengeluar makanan tempatan yang tidak mengambil berat untuk mendapatkan sijil halal walaupun mereka mengeluarkan produk halal berkenaan.
29. PN-1131-L331
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah atau pihak-pihak mana lagi yang mendesak supaya Perkara 121 (1A) Perlembagaan Malaysia dipinda selain daripada memorandum desakan yang dibuat oleh sembilan anggota Menteri bukan Islam.

30. PN-1131-L352
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana AirAsia dapat memberi jaminan yang tambang perkhidmatan udara bagi menghubungkan kawasan pedalaman dan bandar-bandar utama di negeri Sarawak adalah pada kadar yang mampu dibiayai oleh para penduduk kawasan pedalaman.
31. PN-1131-L129
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pelan tindakan untuk memajukan sistem perhubungan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar/desa di Sabah sehingga terdapat laporan media bahawa pelajar-pelajar terpaksa berjalan kaki dan mendaki bukit sejauh berbatu-batu semata-mata untuk ke sekolah.
32. PN-1131-L198
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk melanjutkan umur pesaraan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Rayuan kepada 70 tahun memandangkan segelintir daripada mereka yang baru sahaja dinaikkan pangkat hanya sempat berkhidmat dalam tempoh yang singkat dan ini tidak membolehkan mereka menyumbang secara lebih efektif kepada pembangunan undang-undang negara.
33. PN-1131-L209
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapakah PR dan kewarganegaraan telah diluluskan kepada rakyat Indonesia dan Thailand mengikut pecahan kedua-dua negara ini. Mengapakah Kerajaan tidak mewujudkan satu Jawatankuasa Diraja untuk menyemak dan meluluskan permohonan PR dan kewarganegaraan ini.
34. PN-1131-L472
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian sedar akan tahap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang amat lemah, tidak tersusun, rasuah berleluasa dan banyak lagi menyebabkan wujud terlalu banyak rungutan. Apakah Kementerian bercadang untuk menyusun semula PBT ini dan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan rasuah sifar di agensi ini.
35. PN-1131-L543
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penagih dadah di seluruh negara pada masa kini dan adakah jumlah yang ada itu tepat. Jika tidak, apakah cara atau kaedah untuk mengesan dan mengenal pasti mereka yang terlibat dengan penagihan dadah ataupun arak (alcoholics) di seluruh negara agar mereka dapat didaftarkan untuk apa jua rawatan program pemulihan termasuk di pusat pemulihan, klinik-klinik Kerajaan mahupun swasta.

36. PN-1131-L493
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk meyelaraskan nombor serial pasport dan Mykad. Kalau benar, bilakah ia dapat dilaksanakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

3. (D.R. 7/2005) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan**
Tambahan (2005) 2006. **Kali Yang**
Kedua